

Lepas gian dalam khemah

Lima lelaki ditahan, empat daripadanya positif dadah jenis methamphetamine

BACHOK - Taktik sekumpulan penagih dadah yang menggunakan khemah sebagai sarang melepaskan gian berjaya dihidu pihak berkuasa.

Ketua Penguasa Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Bachok, Muhamad Rostam Mohd Aluwi berkata, pihaknya bersama sepasukan anggota polis membuat serbuan di sebuah kampung dekat Gunong, kira-kira jam 5 petang, Isnin lalu.

Beliau berkata, dalam serbuan itu, pihaknya berjaya menahan lima lelaki berusia 20 hingga 33 tahun.

Hasil pemeriksaan urin mendapati empat daripadanya positif dadah jenis methamphetamine.

"Dua daripada suspek bekerja sebagai buruh manakala dua lagi penganggur. Semua yang ditahan diserahkan kepada polis untuk tindakan selanjutnya," katanya.

Menurutnya, serbuan selama dua jam itu dilakukan hasil risikan yang dijalankan anggotanya.

"Macam-macam kreativiti mereka untuk sembunyikan kegiatan ini dari pandangan orang ramai.

"Ketika ditahan, mereka beri alasan untuk



AADK menyerbu khemah tepi semak yang menjadi port pilihan penagih untuk melepaskan gian selepas seharian penat bekerja.

berehat dalam khemah selepas penat seharian bekerja," katanya.

Justeru, beliau berharap masyarakat

akan terus memberi kerjasama dalam menyalurkan maklumat mengenai kegiatan dadah di kawasan mereka.